

Bela nasib pembeli jika tawan Selangor

Isu projek Rumah Selangorku dibatalkan, BN akan bantu rakyat

ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR – BN Selangor akan membela nasib pembeli projek Rumah Selangorku yang gagal dilaksanakan kerajaan negeri sekiranya berjaya menawan Selangor pada PRU14 nanti.

Pengerusinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya akan membela nasib pembeli dengan melaksanakan dasar sewa beli tanpa perlu membuat pinjaman bank sekiranya Selangor berjaya ditawan semula.

Menurutnya, pihaknya juga akan menyusun semula peranan syarikat GLC bawah kerajaan negeri bagi membolehkan dasar yang dipraktikkan kementerian dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

“Peranan syarikat GLC ini perlu diperbetulkan kerana sepatutnya melaksanakan projek rumah rakyat dan bukannya bersaing dengan pemaju swasta berlumba-lumba jual rumah mampu lihat.

“Tunggulah BN menang nanti, kita akan bela nasib pembeli ini,” katanya ketika diminta mengulas lanjut mengenai keluhan pembeli yang sudah membuat pembiayaan bank, namun Projek Rumah Selangorku dibatalkan.

Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut mempersoalkan alasan



Noh (tengah) mendengar keluhan penduduk ketika turun padang untuk agihan sumbangan Tahun Baharu Cina di Pasir Penambang, semalam.

INFO
● Bakal laksana dasar sewa beli tanpa memerlukan pinjaman bank

menteri besar dan exco yang cukup berbeza terhadap isu itu seolah-olah menuding jari kepada pemaju.

“Alasan pembatalan tidak sama...MB cakap lain dan Exco cakap lain. Namun apa pun alasan yang diberikan, ini membuktikan kerajaan negeri hanya pandai bagi harapan palsu kepada rakyat.

“Sebelum ini, saya juga didatangi pemaju yang mengeluh dengan

dasar kerajaan negeri yang menekan dengan kadar premium tinggi dan caj pembangunan yang pelbagai.

“Kerajaan negeri tak keluar satu sen pun untuk jayakan projek ini sedangkan sibuk membanggakan simpanan rizab yang berbilion itu sampai tak tahu nak dibelanjakan?

“Apa peranan kerajaan negeri bangunkan projek perumahan di Selangor? Dulu hentam dasar kerajaan persekutuan tapi sekarang ini lihat sendiri projek pun banyak dibatalkan,” katanya selepas menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina kepada lebih 200 penduduk di Pasir Penambang, semalam.